

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 28 OGOS 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 17

---

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1542-L14009  
**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah penyelesaian terhadap masalah ketiadaan sebarang fasiliti kecemasan seperti balai bomba, pasukan pertahanan awam mahupun klinik kesihatan yang mampu memberikan respon segera sekiranya berlaku kemalangan jalan raya besar di sepanjang laluan Jalan Raya Timur Barat yang menghubungkan Jeli di Kelantan dan Gerik di Perak.
2. PN-1542-L14554  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah geran Agropreneur Muda yang telah diluluskan pada tahun 2023 dan 2024 dan berapakah peserta yang menerima manfaat daripada geran berkenaan.
3. PN-1542-L14088  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan projek kerjasama Jabatan Penjara Malaysia dengan Badan Bukan Kerajaan dan Agensi Kerajaan dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan Orang Diparol (ODP), bagi membolehkan golongan ini dapat bersama semula dalam kelompok masyarakat selepas menjalani tempoh hukuman.
4. PN-1542-L14029  
**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) seiring dengan RMK13 dalam memastikan keseimbangan sosial bandar melalui penyediaan rumah mampu milik berkualiti tinggi secara adil dan bersepadu di seluruh Kuala Lumpur, terutamanya di kawasan strategik dan bukan hanya di pinggir bandar.

5. PN-1542-L14042  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik perbandingan pemberian kewarganegaraan kepada pemohon-pemohon yang tiada dokumen diri dari tahun 2022 hingga tahun 2024 kepada penduduk orang asal bertaraf Bumiputera di Sarawak berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020 hingga akhir tahun 2022.
6. PN-1542-L14306  
**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
  - (a) adakah analisis perbandingan keberkesanan kos dan impak jangka panjang strategi kawalan vektor denggi dengan nyamuk Wolbachia berbanding pelaksanaan Program Imunisasi Kebangsaan (NIP) dengan vaksin denggi di Malaysia telah dilakukan; dan
  - (b) adakah NIP untuk denggi lebih kos efektif dan berkesan.
7. PN-1542-L14152  
**Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah syarikat dalam sektor perladangan yang telah mengambil pekerja Malaysia yang mempunyai pengkhususan program Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) berkemahiran dalam perladangan dan komoditi.
8. PN-1542-L14496  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah strategi jangka panjang dan reformasi struktur yang dirancang bagi menangani tekanan kos sara hidup selain daripada pemberian bantuan kewangan melalui BTR dan SARA.
9. PN-1542-L13912  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada piawaian pematuhan tinggi yang ditetapkan oleh Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) untuk penyedia perkhidmatan perubatan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada kos penjagaan kesihatan yang tinggi.

10. PN-1542-L14288  
**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pelan jangka pendek dan panjang Kerajaan bagi memperkukuh daya saing ekonomi negara melalui pelaburan berimpak tinggi, automasi industri, dan ekonomi digital, sambil menjamin pembangunan saksama di Sabah dan Sarawak selari dengan kerangka Ekonomi MADANI dan RMK13.
11. PN-1542-L13922  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit Malaysia untuk meningkatkan infrastruktur digital negara, termasuk bukan sahaja liputan 5G tetapi juga jaringan *quantum-ready* dan keupayaan *edge computing* supaya kita tidak menjadi sekadar hab tier kedua teknologi di ASEAN pada tahun 2030 nanti.
12. PN-1542-L13977  
**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan capaian internet berkelajuan tinggi dapat diperluaskan ke seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan institusi pendidikan.
13. PN-1542-L14574  
**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian dan Kerajaan Negeri Selangor menyelaraskan projek pembangunan perumahan selaras dengan Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon Selangor dengan kelestarian alam sekitar, khususnya dalam mengurangkan kesan pulau haba bandar.
14. PN-1542-L14130  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam membanteras kegiatan penyeludupan barangan bersubsidi seperti minyak dan tepung ke negara jiran yang menyebabkan ketirisan dan menjejaskan bekalan untuk rakyat tempatan serta nyatakan statistik semasa berkenaan barangan subsidi yang cuba diseludup.
15. PN-1542-L14687  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan dasar bagi memastikan penambahan kekerapan penerbangan di antara Sabah, Sarawak, Labuan dengan Semenanjung Malaysia.

16. PN-1542-L14432  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan strategi RMK13 dalam menangani isu pengangguran belia dan ketidakpadanan kemahiran (*skills mismatch*) dalam pasaran pekerjaan.
17. PN-1542-L14380  
**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa piawaian standard Halal JAKIM akan tetap dipertahankan susulan daripada pengumuman kadar terbaru tarif timbal balas yang diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat.
18. PN-1542-L14665  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai langkah untuk mengadakan jerayawara ke seluruh negara dalam usaha memperluas kesedaran masyarakat semua lapisan tentang musibah rasuah kepada negara.
19. PN-1542-L14381  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) peranan Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti dalam memastikan penyedia perkhidmatan "*Buy Now Pay Later*" mematuhi prinsip perlindungan pengguna serta tidak mengenakan caj tersembunyi atau penalti yang membebankan; dan
  - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan penyedia "*Buy Now Pay Later*" menjalankan semakan kemampuan kewangan sebelum kelulusan transaksi, terutamanya bagi golongan muda.
20. PN-1542-L13950  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan untuk berunding dengan Kerajaan Amerika Syarikat berkenaan tarif baru-baru ini.
21. PN-1542-L14639  
**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memperluaskan perkhidmatan klinik bergerak di kampung Orang Asli.

22. PN-1542-L14254

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dalam usaha menyelesaikan konflik sempadan Thailand dan Kemboja serta hasil yang telah dicapai setakat ini.

23. PN-1542-L14490

**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) apakah pelan jangka panjang Kerajaan dalam mempersekutukan pembekalan air bersih melalui penggabungan syarikat-syarikat air negeri di bawah pentadbiran Persekutuan, di mana pemilikan masih dikongsi bersama negeri-negeri yang mempunyai bidang kuasa terhadap sumber air; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan memastikan penggabungan ini tidak menjejaskan bidang kuasa negeri dan pada masa yang sama menjamin pembekalan air bersih yang saksama dan menyeluruh kepada seluruh rakyat.

24. PN-1542-L14396

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian bersedia dan mempertimbangkan untuk menawarkan insentif khas kepada syarikat-syarikat Malaysia yang terkesan dengan tarif 19 peratus oleh Amerika Syarikat.

25. PN-1542-L14456

**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan segera Kerajaan bagi melindungi hak golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan ibu tunggal yang mempunyai caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) supaya proses penamaan benefisiari mereka mudah, selamat dan tidak disalah guna atau dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

26. PN-1542-L14446

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana RMK13 menyokong usaha keterjaminan makanan dan memperkukuh rantaian bekalan makanan tempatan.

27. PN-1542-L14677  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penyelarasan yang dilakukan agar dua buah Lembaga Profesor, iaitu Majlis Profesor Negara dan Akademi Profesor Negara dapat mengelakkan pertindihan peranan dan kos penyelenggaraan.
28. PN-1542-L13958  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dari segi kelulusan dan perjanjian antarabangsa bagi memudahkan serta mempercepatkan urusan perdagangan tenaga memandangkan Sarawak baru-baru ini telah bersetuju untuk menjual tenaga elektrik kepada Singapura melalui penyambungan kabel dasar laut.
29. PN-1542-L14352  
**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mereformasi Majlis Kewangan Negara bagi memperkukuh punca kuasa dan keahliannya ke arah menjamin pengagihan fiskal yang lebih adil seperti di India dan Australia.
30. PN-1542-L14278  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah proses pemantauan dilaksanakan terhadap projek infrastruktur di penempatan Orang Asli.
31. PN-1542-L14441  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada komen-komen di media sosial berhubung isu antara Petronas dan Petros telah menjejaskan perpaduan antara penduduk di Semenanjung Malaysia dan Sarawak dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memupuk dan memperkukuh perpaduan antara rakyat di Semenanjung Malaysia dan Sarawak.
32. PN-1542-L13937  
**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah strategik terkini yang diambil untuk menembusi pasaran baharu ASEAN, BRICS, EU dan Timur Tengah sebagai tindak balas kepada tarif Amerika Syarikat termasuk status FTA dan penyertaan industri tempatan.

33. PN-1542-L13967

**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan dan pemantauan terhadap para pelajar sekolah yang menggunakan rokok elektronik atau rokok di sekitar kawasan sekolah.

34. PN-1542-L14622

**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan dapat memperluaskan skim pembiayaan pendidikan kepada pelajar Orang Asli yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bertaraf negeri seperti University College of Yayasan Pahang (UCYP) dan Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS), bagi memastikan akses pendidikan tinggi yang lebih inklusif kepada komuniti ini.

35. PN-1542-L14564

**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik terkini berkaitan jumlah kemalangan maut yang melibatkan pemandu berlesen PSV (*Public Service Vehicle*) dalam tempoh lima tahun terakhir, dan apakah langkah mitigasi secara spesifik yang telah diambil terhadap pemandu yang cuai.

36. PN-1542-L14298

**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian bagi memperkemas kerangka undang-undang dan memastikan ketelusan Organisasi Pengurusan Kolektif (CMO) serta pembayaran royalti muzik yang adil dan pantas kepada artis, susulan semakan kehakiman terhadap isu pengurusan royalti di bawah Akta Hak Cipta 1987.

37. PN-1542-L14656

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Jabatan Penyiaran Malaysia dalam memartabatkan kualiti penyampaian stesen radio Minnal FM yang bertindak sebagai saluran rasmi Kerajaan bagi kaum India.

38. PN-1542-L14244

**Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah cadangan untuk membentangkan Akta Orang Kurang Upaya (OKU) di Parlimen memandangkan perkara ini sudah lama ditangguhkan.

39. PN-1542-L14365  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapa banyakkah syarikat yang menikmati geran di bawah TERAJU serta apakah jenis syarikat yang berjaya menikmati kemudahan ini.
40. PN-1542-L14179  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah segera untuk menangani isu lambakan pelarian Rohingya yang menggugat keselamatan dan ekonomi negara malah masalah sosial seperti isu pernikahan dalam kalangan mereka serta warga Malaysia yang tidak dapat dipastikan keesahannya.
41. PN-1542-L14044  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci nilai kerugian yang telah ditanggung oleh KWSP susulan pengambilalihan saham MAHB oleh konsortium GDA sebelum ini serta faktor yang mendorong KWSP menjual sahamnya dalam MAHB pada tahun 2023 daripada 15.67 peratus kepada 5.79 peratus kepentingannya dalam MAHB.
42. PN-1542-L14347  
**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam mewujudkan rundingan diplomasi positif bagi menyelesaikan konflik Laut China Selatan yang melibatkan negara China dan negara-negara jiran termasuk Malaysia agar konflik ini dapat diselesaikan dengan damai sekaligus menjamin keselamatan perairan negara dan aktiviti ekonomi di perairan negara kita.
43. PN-1542-L13902  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bon Kerajaan Amerika Syarikat yang dipegang oleh Kerajaan Malaysia dan strategi Kerajaan dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada dolar Amerika Syarikat.
44. PN-1542-L14169  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah berkaitan hutang isi rumah yang terus meningkat sehingga melebihi 83 peratus daripada KDNK, seperti pinjaman perumahan dan kereta yang menyumbang kepada beban kewangan yang tinggi kepada rakyat.

45. PN-1542-L14420

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan berapakah jumlah kes yang telah disabitkan kesalahan atas pembakaran terbuka haram setakat ini dan apakah solusi dan pendekatan terkini untuk menangani masalah jerebu yang melanda negara terutamanya di Sarawak pada masa ini.

46. PN-1542-L13999

**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha-usaha bagi meningkatkan jumlah perdagangan dengan negara-negara Afrika Timur yang semakin menunjukkan potensi perkembangan ekonomi yang menggalakkan, khususnya Kenya, Tanzania, Uganda, Ethiopia dan Somalia.

47. PN-1542-L14542

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah kajian atau data terkini yang dimiliki Kementerian berkenaan punca kemalangan membabitkan lori, khususnya kaitan antara struktur gaji pemandu lori yang dibayar berdasarkan jumlah perjalanan (bukannya gaji tetap) dengan kadar kemalangan yang tinggi akibat keletihan; dan
- (b) sama ada Kerajaan sedar bahawa sistem pembayaran pemandu lori secara *per trip* mendorong mereka bekerja melebihi had masa pemanduan yang selamat, seterusnya memaksa sesetengah pihak menggunakan bahan terlarang untuk kekal berjaga dan apakah pelan konkrit Kerajaan untuk memecahkan kitaran ini.

48. PN-1542-L14110

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) bilakah penyaluran tenaga elektrik dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan Singapura akan disiapkan dan berapakah kosnya; dan
- (b) sama ada Kementerian boleh memastikan semua penduduk mendapat tenaga elektrik di seluruh negara terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

49. PN-1542-L14267  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah Kerajaan mengadaptasikan dan mengambil kira pengetahuan tradisional Orang Asli tentang pengurusan alam sekitar dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.
50. PN-1542-L14214  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah berlaku perubahan unjuran terkini Kementerian dalam menjadikan Negara Berpendapatan Tinggi (melempi *Gross National Income* (GNI) per kapita USD 13,439 bagi tahun 2024) akibat daripada konflik dunia seperti peperangan dan juga pelaksanaan tarif oleh Amerika Syarikat dan jangkakan penurunan pertumbuhan ekonomi dunia oleh Bank Dunia.
51. PN-1542-L14409  
**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sudah memuktamadkan siapa golongan T15 dan mekanisme yang akan diguna pakai apabila rasionalisasi subsidi petrol RON95 dilaksanakan tidak lama lagi.
52. PN-1542-L14069  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan tahap keberkesanan pelaksanaan Program Transformasi Perusahaan Getah Negara (TARGET) dalam menarik dan meningkatkan penglibatan golongan muda untuk membangunkan industri getah di Malaysia.
53. PN-1542-L14098  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan Majlis Tindakan Ekonomi Bumiputera Sabah Sarawak dalam merapatkan jurang ekonomi dan pendapatan masyarakat bumiputera Sabah dan Sarawak sama seperti bumiputera di Semenanjung Malaysia.
54. PN-1542-L14479  
**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pengambilalihan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) oleh FELDA boleh menjamin dividen Koperasi Permodalan FELDA (KPF) dipulihkan ke tahap sebelum penyenaiaan, dan bilakah garis masa pembayaran dividen baharu akan diumumkan.

55. PN-1542-L14234

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana fokus pemulihan fiskal perbelanjaan Persekutuan dan inisiatif baru menjana anggaran pendapatan Persekutuan pada 2026 agar kawalan defisit dan pengurusan hutang negara lebih sempurna.

56. PN-1542-L14019

**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mempercepatkan liputan internet berkualiti tinggi di sekolah-sekolah luar bandar di Kelantan, khususnya di daerah seperti Gua Musang, Jeli dan Kuala Krai, yang masih menghadapi masalah capaian internet yang lemah.

57. PN-1542-L14322

**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kelulusan dana bagi pembinaan sekolah berasrama penuh di Pantai Barat Utara Sabah wajar diberikan perhatian memandangkan ketiadaan sekolah berasrama penuh di kawasan tersebut menyebabkan majoriti pelajar luar bandar terpaksa berpindah jauh untuk mendapatkan kemudahan asrama, sedangkan ramai ibu bapa tidak berkemampuan menanggung kos perjalanan yang tinggi.

58. PN-1542-L14516

**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan garis panduan dan tindakan yang boleh dikenakan terhadap mahasiswa yang telah bertindak di luar batasan dalam sesi protes dan tunjuk perasaan.

59. PN-1542-L14065

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam menangani sindiket pemalsuan sijil cuti sakit (MC) dalam kalangan penjawat awam dan permasalahan ini berpotensi mencemar nama dan imej perkhidmatan awam.

60. PN-1542-L14331

**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah dilaksanakan dalam meningkatkan kesedaran keselamatan masyarakat untuk memakai jaket keselamatan jika menjalankan aktiviti di laut.

61. PN-1542-L14506

**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada jumlah papan pintar yang disasarkan untuk dibekalkan ke sekolah-sekolah seluruh negara menjelang tahun 2027 akan turut merangkumi sekolah vernakular (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil).

62. PN-1542-L14140

**Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah syarikat insurans swasta mematuhi dan menerima pelaksanaan langkah-langkah yang diumumkan oleh Kerajaan dan Bank Negara mengenai pengambilan langkah-langkah jangka panjang bagi mengurangkan beban kenaikan premium insurans kesihatan yang berpunca daripada inflasi kos perubatan; dan
- (b) adakah inisiatif ini benar-benar memberi manfaat kepada rakyat secara menyeluruh.

63. PN-1542-L14224

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah senarai fasiliti kemudahan hemodialisis dan kapasiti mesin (Kerajaan dan swasta) serta jumlah pesakit buah pinggang yang memerlukan khidmat hemodialisis di Melaka sehingga Julai 2025.

64. PN-1542-L14614

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan kemajuan terbaharu terhadap Kajian Pembangunan Model Kesepaduan Sosial Sabah dan Sarawak yang dibangunkan di bawah Kementerian dan apakah langkah susulan yang dirangka Kementerian berpandukan model yang dibangunkan tersebut.

65. PN-1542-L14271

**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan dan peratusan tenaga pengajar yang terlatih dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan kapasiti tenaga pengajar supaya dapat menampung keperluan pendidikan prasekolah yang mandatori nanti.

66. PN-1542-L14162

**Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) potensi penerokaan air bawah tanah untuk kegunaan awam dan industri; dan
- (b) sejauh manakah kejayaan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia dalam aktiviti penerokaan dan pemetaan air bawah tanah di Malaysia khususnya di Bagan Datuk, Perak.

67. PN-1542-L14640

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah dasar-dasar yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mencapai kemiskinan sifar terutamanya untuk kaum India.

68. PN-1542-L14056

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi dan mekanisme pelaksanaan penyasaran subsidi petrol RON95 yang didakwa akan memberi penjimatan RM8 bilion serta langkah mitigasi yang disediakan bagi mengelakkan penyasaran subsidi ini menjadi alasan terselindung untuk menaikkan harga bahan api secara berperingkat.

69. PN-1542-L13989

**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam menyuburkan semangat patriotisme cinta kepada negara dalam kalangan pelajar di institut pengajian tinggi melalui pemerksaan subjek Pengajian Kenegaraan sebagai kursus wajib universiti.

70. PN-1542-L14204

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) statistik bilangan pesakit yang mempunyai ketagihan vape khususnya remaja di bawah umur 18 tahun serta perancangan Kementerian dalam mencari pesakit berkaitan ketagihan vape untuk dipulihkan; dan
- (b) berapakah peruntukan kewangan yang dapat dijamin melalui rawatan penyakit yang melibatkan vape apabila pemulihan daripada ketagihan vape dilaksanakan.

71. PN-1542-L14604  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perincian cadangan reformasi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang akan dibawa oleh Malaysia ke Perhimpunan Agung PBB khususnya berkenaan penghapusan atau penghadan kuasa veto.
72. PN-1542-L14525  
**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah yang diambil Kementerian untuk menambah perjawatan Pegawai Komuniti dan Kemahiran Parlimen KEMAS Negeri Johor serta cadangan untuk memberikan status jawatan tetap kepada semua kakitangan KEMAS.
73. PN-1542-L14584  
**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kelulusan permohonan kewarganegaraan daripada Indonesia, Amerika Syarikat, China, India, Myanmar dan Vietnam.
74. PN-1542-L14316  
**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan Jualan RAHMAH secara tetap di Kedai MADANI atau kedai-kedai yang terlibat dalam inisiatif Sumbangan Asas RAHMAH dan hanya terbuka kepada penerima Sumbangan Tunai RAHMAH sahaja.
75. PN-1542-L14532  
**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar kaum India yang telah diterima masuk ke program matrikulasi dan universiti awam untuk pengambilan tahun terkini.
76. PN-1542-L14594  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendekatan Kerajaan dalam memastikan bahawa kajian semula persempadanan kawasan pilihan raya mengambil kira keperluan menyelaraskan jurang pembangunan ekonomi dan infrastruktur antara kawasan luar bandar dan bandar khususnya di kawasan majoriti Bumiputera.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

“**BAHAWA** Dewan ini,

**menyedari** akan cabaran Malaysia untuk mengukuhkan pembangunan sosioekonomi dan memastikan daya tahan negara dalam usaha memperkukuh nilai insaniah, mengharungi ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia, memantapkan kedudukan kewangan Kerajaan dan menjamin kehidupan rakyat yang bermaruah, serta pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 dan usaha merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI;

**merestui** ikhtiar Kerajaan untuk membuat pembaharuan ke atas agenda pembangunan sosioekonomi negara yang menyeluruh selaras dengan kerangka Malaysia MADANI; dan

**meluluskan** Rancangan Malaysia Ketiga Belas bagi tempoh 2026-2030 bertujuan untuk melakar semula pembangunan dengan menetapkan dasar, strategi dan inisiatif bagi membentuk negara bangsa, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar, memperkukuh tatakelola terbaik serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang memacu ekonomi serantau dan disegani di persada dunia, menurut Kertas Perintah CMD. 6 Tahun 2025.

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia bersama-sama membulatkan tekad dengan penuh iltizam untuk membuat perubahan dalam memastikan pembangunan sosioekonomi negara kekal mampan serta memanfaatkan rakyat secara adil dan saksama.”

– menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 27 Ogos 2025 ]

2. ( D.R.21/2025 ) Rang Undang-undang Insolvensi Rentas Sempadan 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Perdana Menteri ]**
3. ( D.R.14/2025 ) Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Kewangan ]**
4. ( D.R.13/2025 ) Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
5. ( D.R.11/2025 ) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
6. ( D.R.12/2025 ) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
7. ( D.R.6/2025 ) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**

- |     |                  |   |                          |
|-----|------------------|---|--------------------------|
| 8.  | ( D.R.7/2025 )   | Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025<br><br><b>[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]</b>  | <b>Bacaan Kali Kedua</b> |
| 9.  | ( D.R. 19/2025 ) | Rang Undang-undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025<br><br><b>[ Menteri Kerja Raya ]</b>   | <b>Bacaan Kali Kedua</b> |
| 10. | ( D.R. 17/2025 ) | Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025<br><br><b>[ Menteri Kesihatan ]</b>   | <b>Bacaan Kali Kedua</b> |
| 11. | ( D.R. 16/2025 ) | Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2025<br><br><b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b>  | <b>Bacaan Kali Kedua</b> |
| 12. | ( D.R. 18/2025 ) | Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2025<br><br><b>[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]</b>  | <b>Bacaan Kali Kedua</b> |
| 13. | ( D.R. 15/2025 ) | Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis)<br><br><b>[ Perdana Menteri ]</b> | <b>Bacaan Kali Kedua</b> |
| 14. | ( D.R. 20/2025 ) | Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025<br><br><b>[ Menteri Pendidikan ]</b>   | <b>Bacaan Kali Kedua</b> |